

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 35 RABU 27 OGOS, 1969 1389 رابو 13 جمادي الاخير PERCHUMA

KEMANGKATAN Y.T.M. PENGIRAN ANAK PUTERI TENGAH

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengumumkan dengan perasaan penoh dukachita atas kemangkatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Tengah, bonda saudara kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan kekanda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan.

Almarhumah Yang Teramat Mulia itu telah dimakamkan mengikut adat istiadat kebesaran di-raja di-Makam Di-Raja Bandar Brunei pada tengah hari Sabtu lepas.

Jenazah di-raja itu telah bertolak dari Istana pada kira2 jam 5.00 petang dengan di-dahului oleh pembawa2 alat2 kebesaran di-raja yang membawa tombak, pedang dan sinipit.

Di-belakang pula di-ikuti oleh keluarga di - raja yang di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, pembesar2 negara dan pegawai2 kerajaan termasuk Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Sa - bagai menghormati kemangkatan Almarhumah Yang Teramat Mulia itu bendera2 telah di-kibarkan sa-tengah tiang dan semua hiboran2 telah di-batalkan pada hari itu.

Satu perkabongan sa-lama tiga hari telah diperentahkan dan hari Isnin 25 Ogos telah di-ishtiharkan sa-bagai hari kelepasan awam sa-bagai satu tambahan bagi menghormati kemangkatan Yang Teramat Mulia itu.

Semua sekolah2 kerajaan telah juga di-tutup pada hari Isnin lepas.



Gambar atas: Jenazah Almarhumah Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Tengah sedang di-turunkan untuk istiadat permakaman dengan di-saksikan oleh D.Y.M.M. dan D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan. Gambar kiri: 'Gagandong' yang membawa jenazah Almarhumah dari tambahan kastam ka-Makam Di-Raja.



Bekalan letrik: Pengguna2 dapat bayaran murah

BANDAR BRUNEI. — Pengguna2 bekalan letrik akan memperolehi chara bayaran baru mulai dari 1 September hadapan.

Ketua Jurutera Letrik, Awang E. F. Brown menyatakan tariff baru itu bertujuan untuk menggalakkan penggunaan lebih banyak lagi kuasa letrik, tetapi pengguna2 bekalan tersebut yang tetap menggunakan-nya pada perengkat yang rendah, tidak perlu

merubah-nya.

Pembayaran tariff yang boleh di-dapati sekarang ia-lah tariff untuk pengguna di-rumah2: Bagi rumah2 yang menggunakan - nya pada keseluruhan sa-bagai pengguna tersendiri—bayaran lama bagi api ia-lah 25 sen bagi tiap2 satu unit dan power 8 sen bagi tiap2 satu unit.

Sementara bayaran baru tidak ada bayaran yang ber-

(LIHAT MUKA 8)

Pepereksaan Sijil

Pelajaran Am

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Sijil Am Pelajaran akan di-adakan dari 2 Januari hingga 28 Januari tahun hadapan.

Pepereksaan tersebut akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei dan di-Maktab Anthony Abell Seria.

Borang2 memasoki pepereksaan itu boleh di-dapati di-pusat2 pepereksaan itu atau di-Jabatan Pelajaran Bandar Brunei. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan sa-belum 15 September.

Sambutan Hari Keputeraan D. Y. M. M.

di-Mukim Labi dan Bukit Sawat

KUALA BELAIT. — Penduduk2 Mukim Labi, Ulu Belait akan merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun salama tiga hari mulai 29 Ogos.

Penuntut2 tinjau kegiatan2 AMDB

BERAKAS. — Satu rombongan yang terdiri dari ahli2 Kesatuan Penuntut2 Brunei yang sekarang ini sedang berchuti di-tanah ayer dan kanak2 dari Kelab Panaga, Seria telah mengadakan lawatan ka-perkhemahan Askar Melayu Di - Raja di-Berakas pada minggu lalu.

Ketibaan rombongan pelawat2 itu telah di-sambut oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja, Lt. Col. J. J. H. Simpson yang juga memberikan penerangan mengenai tugas dan tanggung jawab pasukan tersebut.

Sa-lepas mendengar penerangan2 dari pegawai pemerintah itu, pelawat2 itu kemudian nya di - bawa menyaksikan pertunjukkan senjata2 ringan dan alat2 pasukan pembantu dan juga melawat di-sekitar khemah tersebut termasuk ka-rumah sakit, tempat pendaratan pesawat helikopter dan workshop regiment itu.

Di-sebelah petang-nya, rombongan pelawat itu telah dibawa melawat ka-pengkalan pasukan Pertama Askar Melayu di-Raja di-Muara.

Di - antara acara2 yang akan di-adakan dalam perayaan itu ia-lah persembahan aneka warna, pasar gembira dan perlawanan terek tali.

Perlumbaan rentas desa, perlumbaan bola sepak dan sokan juga akan di-adakan dalam perayaan tersebut.

Sementara itu, penduduk2 di-Kampung Bukit Sawat juga akan mengadakan sambutan perayaan Hari Keputeraan Baginda pada hari Ahad 31 Ogos.

Perayaan yang akan berlangsung sa-hari itu ada-lah julong-kali-nya di-adakan di-mukim itu dan ia-nya akan di-rasmikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Matnoor Mac-Afee pada jam 9.00 pagi.

Di-sebelah pagi-nya akan di-adakan lumba perahu dan moto sangkut. Sementara di-sebelah petang-nya akan di-adakan sokan darat, perlumbaan bola sepak dan perlumbaan terek tali.

Perlumbaan terek tali itu ada-lah terbuka kepada orang ramai dan tiap2 pasukan hendak-lah mengandungi lima orang.

Pada sebelah malam pula akan di-adakan persembahan aneka warna dan peraduan memilih Ratu Keputeraan.

Pasar gembira akan di-adakan dari pagi hingga tengah malam.



BANDAR BRUNEI. — Rancangan 'Sa-ringgit Satu Lagu' yang di-anjarkan oleh Radio Brunei telah berakhir pada 17 Ogos lepas.

Pada malam itu Major Henry Subba dari pasukan 2/2 Gurkha Rifles, Tukulines, Seria telah datang ka-studio dan berucap melalui Radio Brunei bagi mengucapkan terima kasih kepada penderma2 yang telah menyayakan rancangan tersebut.

Rancangan yang di-jalankan sa-lama empat minggu itu ia-lah bagi mengutip derma untuk tabung kebajikan tentera Gurkha.

Sa-lain dari mengucapkan terima kasih kepada dermawan2 dalam rancangan 'Sa-ringgit Satu Lagu' itu, Major Henry juga mengucapkan terima kasih kepada ketiga2 bahagian — Bahagian Melayu, Inggeris dan Tiong Hwa — yang telah mengelolakan rancangan tersebut.

Sa-masa rancangan itu dijalankan, orang ramai boleh meminta siarkan lagu yang mereka gemari, sama ada melalui talipon atau pun dengan menggunakan borang yang di-sediakan di-dalam majallah Suara Brunei. Tiap2 satu lagu yang di-minta disertakan dengan derma \$1.00 atau lebih.

Gambar atas menunjukkan Major Henry Subba ketika berada di-studio Radio Brunei pada malam Ahad lepas. Di-sebelah kiri ia-lah Pengelola Rancangan Bahagian Inggeris, Awang Amin Leembruggen.

Peraduan menaip dan trengkas

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Trengkas Melayu Brunei akan mengadakan Peraduan Menulis Trengkas, Menaip dan Trengkas Seni Gregg seluruh negeri bulan depan.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, peraduan tersebut akan di-jalankan sa-rentak pada 12 Septemer di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Brunei.

Peraduan itu terbagai kepada dua kumpulan ia-itu Trengkas dan Menaip dari peringkat permulaan, menengah dan tertinggi. Peraduan menulis Trengkas Seni Gregg juga akan di-adakan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei telah menghadihkan sa-biji piala rebutan untuk peraduan trengkas Tertinggi, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka menghadihkan sa-biji piala rebutan untuk menulis Trengkas Seni Gregg sementara Persatuan Trengkas menghadihkan sa-biji perisai rebutan untuk Menaip Tertinggi.

Hadia2 dan sijil2 juga di-berikan kepada peserta2 yang mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut.

Bayaran bagi memasuki peraduan Trengkas dan Menaip ia-lah \$2.00 bagi permulaan, \$2.50 bagi peringkat menengah dan \$3.00 bagi peringkat tertinggi dan peraduan menulis Trengkas Seni Gregg.

Borang2 masuk peraduan2 tersebut boleh di-dapati dari guru2 Trengkas dan Menaip dan tarikh tutup ia-lah pada 29 Ogos.

Lagi tiga buah Persatuan Peladang di-daftarkan

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran tiga buah lagi Persatuan Peladang telah di-luluskan oleh Kerajaan baru2 ini.

Persatuan2 peladang itu ia-lah Persatuan Peladang Kampung Paya Tenajor di-Daerah Belait, Persatuan Peladang Kampong Menengah dan Bukit Sulang di-Daerah Tutong dan Persatuan Peladang Kampong Belais di-Daerah Temburong.

Dengan pendaftaran tiga buah persatuan peladang itu, sekarang ini terdapat 84 buah persatuan peladang di-seluruh negeri dengan mempunyai ahli berjumlah lebih dari 4,000 orang.

Persatuan2 Peladang ada-lah bergabung dengan Persekutuan Persatuan Peladang Negeri Brunei.

Tujuan persekutuan itu ada-lah untuk meninggikan taraf penghidupan kaum peladang dengan menggalakan ahli2-nya supaya melaksanakan pertanian chara moden di-kampung2.

151 orang ambil pereksa Royal Society of Arts

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 151 orang chalu akan mengambil peperiksaan Royal Society of Arts dalam bulan November hadapan.

Peperiksaan yang bermula pada 18 November itu akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan di-Maktab Anthony Abell Seria.

Perkara2 dalam peperiksaan itu ia-lah menyimpan buku

kira2, trengkas, bahasa Inggeris bagi orang2 asing, menaip dalam tiga peringkat —perengkat rendah, menengah dan tertinggi, Ilmu Hisab Satu dan Dua dan Bahasa Inggeris Satu dan Dua.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran menyatakan, sa-ramai 52 orang chalu akan mengambil peperiksaan tersebut di-Maktab SOAS sementara yang lain-nya di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Rumah yang indah tidak menjamin kebahagiaan antara suami dan isteri

KHUTBAH JUMA'AT

**Rahsia kebahagiaan hidup
berumah tangga lebeh banyak
terletak di-atas ujud-nya
suasana rukun damai di-antara
suami isteri dan keluarga yang
tinggal di-dalam rumah itu**

BANGUNAN rumah yang indah tidak - lah menjadi jaminan bahawa penghuni-nya hidup dalam suasana yang aman dan damai bahkan kadang2 penghuni rumah yang burok lebeh gembira hidup-nya daripada penghuni yang tinggal di-rumah batu yang bertingkat2 kerana rahsia kebahagiaan hidup berumah-tangga lebeh banyak terletak di-atas ujud-nya suasana rukun damai di-antara suami - isteri, anak2 dan keluarga yang tinggal di-dalam rumah itu.

Menyedari akan hakikat ini Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Bahawa sa-baik2 kamu ialah orang yang baik terhadap keluarga-nya dan aku ada-lah sa-baik2 orang terhadap keluarga ku."

Maka kebaikan dan kebahagiaan hidup dalam rumah tangga lebeh banyak terletak di-tangan suami. Oleh itu suami hendak-lah bertanggung terhadap isteri-nya, anak2-nya, dan orang2 yang di-bawah jagaan-nya.

Tanggung jawab itu bukanlah hanya terhad kepada keperluan2 dzahir seperti makan, minum, tempat tinggal, pakaian dan sa-bagai-nya, bahkan tanggung jawab itu meliputi perkara2 yang lebeh besar seperti mengerjakan surohan2 U gama ia-itu suami bukan sahaja pandai menyuruh isteri dan anak2 - nya mengerjakan sembahyang bahkan hendak-lah ia mengetahui dan menjadi contoh dalam mengerjakan ibadat itu.

Bagitu juga suami atau pun bapa hendak-lah bertanggung jawab terhadap pelajaran anak2-nya, tidak-lah cukup anak2 itu di-hantar ka-sekolah dengan di-serahkan bulat2 kapada guru bahkan hendak-lah di-ambil berat akan pelajaran-nya dan hendak-lah di-adakan suasana yang boleh menolong anak2 itu mengulang kaji pelajaran-nya di-rumah khas-nya di-waktu malam.

Suatu perkara yang patut di-ambil perhatian oleh suami ia-lah menjaga perasaan dan

hati isteri-nya, maka hendak-lah hindarkan perkara2 yang melukakan hati isteri yang tidak kena pada tempat-nya, seperti "mengalakari" isteri dan membuat perkara2 yang boleh meruntuhkan suasana yang aman dan damai dalam rumah tangga, kerana dalam hidup yang serba moden ini khas-nya hidup di-dalam sebuah bandar yang sedang berkembang di-mana di-dapati hotel2, restoran2, rumah2 pangsa dan rumah2 sewa serta percamporan yang bebas di-antara lelaki dan perempuan yang mana perkara2 yang di-sebutkan itu tidak-lah dapat di-nafikan boleh membawa kapada kemajuan di-tinjau dari segi dunia moden, tetapi hendak-lah jangan di-lupakan bahawa ujud-nya perkara2 yang di-sebutkan itu boleh menjadi punca keruntuhkan rumah tangga dan banyak mengandongi rahsia2 percherai2an dan permusuhan suami isteri.

Keruntuhkan rumah tangga bukan sahaja mengakibatkan percherai2an dan permusuhan

suami isteri bahkan tidak-lah dapat di-nafikan bahawa perkara itu boleh memberi kesan yang burok kapada anak2 yang mana perkara itu akan menimbulkan atau menjadi suatu penyakit yang berat kapada masharakat.

Dalam Khutbah ini sengaja di-tegaskan tanggung jawab ka-atas suami dan ini tidak-lah menafikan ujud-nya tanggung jawab isteri terhadap suami dan rumah tangga.

Walau bagaimana pun hendak-lah selalu di-perhatikan bahawa masing2 hendak-lah selalu memikirkan dan bekerja untuk mengujudkan suasana rukun damai dalam hidup berumah-tangga.

Maka suami yang bijak adalah berusaha untuk membuat rumah - tangga-nya sa - bagai shorga di-dalam dunia ini, bukan-lah ia membena shorga di-luar rumah tangga dengan hidup berpura2 dan berseronok2 tenggelam dalam ma'siat dan bagitu juga isteri yang bijak berusaha untuk menchiptakan suasana yang aman dan damai supaya



suami-nya lebeh suka hidup di-dalam rumah ah mendapat kesenangan, dari pada mengejar kesenangan itu di-luar rumah. Oleh itu hendak-lah kita selalu ingat akan ajaran Rasulullah s.a.w. yang telah di-sebutkan tadi yang bermaksud "sa-baik2 kamu orang yang baik terhadap keluarga-nya dan aku ada-lah sa-baik2 orang terhadap keluarga ku."

Pemereksaan kesihatan kapada bakal2 haji

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-Bandar Brunei mulai 25 Ogos lepas telah menjalankan pemereksaan kesihatan kapada 388 orang bakal2 haji di-Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong.

Pegawai Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal U gama, Awang Kassim bin Haji Ahmad berkata, sa-ramai 20 orang bakal2 haji di-pereksa pada tiap2 hari ia-itu 10 orang di-sebelah pagi dan 10 orang di-sebelah petang.

Awang Mohd. Kassim menyatakan, pemereksaan itu di-adakan untuk menentukan kesihatan bakal2 haji itu sama ada mereka itu boleh menunaikan fardzu haji atau pun sa-balek-nya.

Sa-orang bakal haji, jika di-dapati menghidap sa-jenis penyakit berjangkit atau penyakit yang merbahaya, Jabatan Perubatan berhak membatalkan pemergian-nya.

Sementara itu sa-ramai 18 orang bakal2 haji di-Daerah Belait akan di-pereksa di-rumah sakit Kuala Belait pada satu tarikh yang akan di-umumkan kemudian.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27 Ogos, 1969 hingga ka-hari Selesa 2 Sept., 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
28 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
29 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
30 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
31 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
1 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
2 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

27 Ogos, 1969

PERKEMBANGAN DAERAH TEMBURONG

DAERAH Temburong, satu2-nya daerah dalam negeri ini yang letak-nya terpenchil di-pendalaman dan hanya dapat berhubung dengan melalui sungai dan helikopter telah menempoh perkembangan2-nya yang begitu pesat sejak terbenanya tugu peringatan di-Pekan Bangar, ia-itu pekan yang menjadi pusat pertemuan penduduk2 di-daerah Temburong.

Sa-belum tugu peringatan yang terpachak di-tepi tebing sungai Temburong dan berhadapan dengan rumah Pegawai Daerah, Daerah Temburong tidak berlembah kalau kita katakan sa-bagai sa-buah daerah yang keadaan-nya begitu lengang dan kaku. Waktu itu tidak begitu banyak orang2 yang luar dari daerah tersebut begitu berminat untuk melawat ka-sana. Keadaan penduduk-nya kebanyakan masih dalam keadaan yang mundur dalam berbagai2 lapangan termasuk lapangan kehidupan mereka sehari2. Pindek-nya kemajuan yang di-chapai oleh daerah2 Belait dan Tutong waktu itu ada-lah tidak begitu keadaan-nya dengan yang ada di-daerah Temburong. Lebih tegas dikatakan bahawa Daerah Temburong masih jauh tertinggal.

Tetapi dewasa ini, kalau kita melawat ka-sana akan segera terkilang di-hati kita betapa Daerah Temburong mengurak langkah yang chepat dalam berbagai2 lapangan, lebih2 lagi dalam hal pembangunan-nya yang begitu ranchak dilaksanakan. Masaalah kelambatan projek2 pembangunan daerah itu telah menjadi satu perbualan yang sering timbul. Malang-nya dalam perbualan2 itu tidak terbit satu titik pertemuan yang dapat dipegang sa-bagai satu saranan. Kita sifatkan bahawa perbualan2 sa-umpama itu ada-lah kosong belaka, kerana ia-nya tidak di-sertai dengan siasatan yang lebih mendalam.

Mengadakan satu2 projek perkembangan bagi satu daerah yang begitu susah perhubungan dan kemudahan2 yang di-perlukan, ada-lah menjadi satu sebab yang amat nyata dan diketahui umum, tetapi orang tidak banyak tahu tentang kesulitan2 yang tersuok dari pandangan.

Walaupun demikian, perkembangan yang ujud di-Daerah Temburong masih dapat dikatakan sa-bagai menempoh satu proses yang begitu pesat. Dalam lingkungan empat tahun sahaja sudah dapat di-saksikan jalan2 raya yang menembusi kampung pendalaman, sudah ada bekalan letrik yang mempunyai kekuatan yang berlembah dari yang di-kehendaki oleh daerah itu pada masa ini, sudah berdiri masjid yang baru, sudah ada balai bomba yang moden, sudah terbenanya rumah tumpangan yang berhawa dingin, sudah berdiri asrama penuntut2 dari kampung2 pendalaman, sudah ada sisten bekalan air yang menchukupi dan di-saberng sungai Temburong sudah bermula kerja2 untuk membuka Pekan Bangar Baru yang lengkap dengan rangkaian pembangunan yang benar2 di-perlukan bagi sa-sabua bandar.



Kawasan Pekan Bangar yang baru. Kerja2 untuk pembinaan rangkaian bangunan2 termasuk rumah sakit, sekolah2 Arab, Pertukangan, jabatan2 Kerajaan, perumahan Kerajaan, pemancar radio dan lain-nya akan segera di-laksanakan.



Barek untuk kakitangan Jabatan Letrik yang baharu saja siap di-bina dan telah pun di-gunakan.



Ini-lah jalan yang baharu di-bina yang menghubungkan Pekan Bangar dengan kampung2 pendalaman sa-hingga ka-Kampung Sumbiling ia-itu sa-buah kampung yang letak-nya di-Ulu Temburong.

Masjid Mohammad Salleh yang lama masih belum di-rubuhkan lagi dan kelihatan juga Masjid Mohammad Salleh yang baru. Di-bawah-nya kelihatan Jabatan Perubatan Daerah Temburong. Bangunan baru untuk jabatan ini akan di-bina di-kawasan Bangar Baru.

Temburong semakin berkembang

Daerah Temburong ada-lah sa-buah daerah dalam Negeri Brunei yang sedang menempoh perkembangan-nya yang begitu pesat. Ranchangan untuk membesarkan Pekan Bangar akan segera dimulakan dan sa-buah jambatan batu yang menyeberangi ka-Bangar baru itu sudah pun siap di-bina.

Temburong yang letak-nya di-sabalah Timor Negeri Brunei mempunyai keluasan 404.5 batu persegi dan ramai penduduk-nya sekarang kira2 5.000 orang.

Untuk sampai ka-daerah tersebut hanya dengan melalui helikopter dan sungai. Jauh-nya dari Bandar Brunei ka-Pekan Bangar dengan melalui sungai ia-

lah kira2 30 batu dan hanya akan sampai ka-sana dengan menaiki kapal kira2 4 jam dan jika moto-bot yang mempunyai kekuatan 30 kuda kita akan sampai ka-sana dalam jangka waktu 1 jam 30 minit.


Perkembangan pesat yang berlaku di-sana ada-lah meliputi kepada berbagai2 lapangan untuk meninggikan taraf hidup penduduk dan membekalkan suasana penghidupan yang moden sesuai dengan kemajuan2 yang di-chapai oleh penduduk2 dalam daerah2 yang lain.

Pembaharuan ka-atas bekalan letrik telah di-lakukan dengan memindahkan enjin letrik yang dulu-nya di-gunakan di-Bandar Brunei. Empat buah enjin yang di-pindahkan itu keseluruhan-nya mempunyai kekuatan 800 k.w., tetapi pada masa ini kuasa letrik yang di-gunakan hanya tidak lebih dari 120 k.w.


Pemasangan talipon telah pun siap yang boleh membekalkan 100 buah talipon untuk perkhidmatan2 dan orang ramai di-kawasan Pekan Bangar dan sekitar-nya.

Kerja2 membina jalan raya baru di-seluruh Temburong sa-jaut 44 batu yang berharga \$20.2 juta telah pun dimulakan oleh Sharikat Gammon, sementara Sharikat Costain mengusahakan kerja2 menggali batu kelikir untuk di-gunakan bagi ranchangan pembinaan jalan raya di-seluruh negeri dan lapangan terbang antara bangsa. Batu kelikir di-bumi Daerah Temburong yang letak-nya di-Kampung Selangan di-perchaay tidak akan habis dalam tempoh 30 tahun dan akan merupakan penghasilan utama daerah itu.

Sa-orang pekerja Jabatan Talikom sedang menyempurnakan kerja2-nya bagi pembekalan untuk 100 buah talipon di-sekitar Pekan Bangar.



Masjid Mohammad Salleh yang baharu saja siap di-bina dan telah pun mula di-gunakan oleh penduduk2 Islam di-Daerah Temburong.



Empat buah jentera letrik yang dulu-nya di-gunakan di-Bandar Brunei kini telah di-pindahkan ka-Pekan Bangar. Dua buah jentera kecil yang kelihatan mempunyai kekuatan 150 k.w. tiap2 satu, sementara dua buah jentera yang besar itu mempunyai kekuatan 250 k.w. tiap2 satu.



Ini-lah bangunan Balai Bomba di-Pekan Bangar yang letak-nya dekat tebing Sungai Temburong.



Gambar ini menunjukkan bangunan Rumah Tumpangan Kerajaan yang berhawa dingin yang baharu saja siap di-bina dan telah pun di-gunakan oleh kakitangan2 Kerajaan yang menjalankan tugas2 yang tertentu sementara di-bawah-nya ia-lah bangunan asrama Sekolah Melayu Sultan Hassan yang juga baharu saja siap di-bina.

MANUSIA DAN ANGKASA LEPAS

Berikut ini ia-lah cheramah oleh Awang Raymond Phoa Kim Hong, Pensharah Bahasa dan Kesusteraan Melayu di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei yang mengesahkan kejayaan angkasawan2 Apollo Sebelas Amerika berjalan

di-permukaan bulan pada 25 Julai 1969.

Cheramah ini telah di-siarkan dalam Ruangan Pelajar Radio Brunei pada 12 Ogos lepas dan 26 Ogos dan sambongan-nya akan di-siarkan dalam keluaran minggu depan.

ADA-PUN tajok perbincangan kita dalam ruangan pelajar ini ia-lah berkisar pada buah-mulut masharakat ramai diserata dunia ini, ia-itu "Manusia dan Angkasa Lepas."

Sejak berlepas-nya roket Sputnik Russia pada 4hb. Oktober 1957 menjelajah angkasa lepas, maka sejak itu pula-lah konon-nya manusia memasuki zaman angkasa lepas; dan sejak tarikh itu juga-lah Russia dan Amerika Sharikat mulai berlumba2 menjejakan angkasawan mereka di-atas permukaan bulan, walau pun tekat tersebut di-umum-rasmikan, bagi pehah Amerika Sharikat, oleh John F. Kennedy pada 25hb. Mei, 1961, dan yang di-sokong penoh oleh Lyndon Johnson dan juga Richard Nixon, Presiden Amerika Sharikat yang ka-37.

Pada 16hb. Julai 1969 tiga angkasawan Amerika Sharikat, Neil Armstrong, Edwin Aldrin dan Michael Collins berlepas ka-angkasa lepas, menuju bulan, ia-itu planet yang terdekat kapada dunia; pada 21hb. Julai 1969 eksplorasi atau penjelajahan yang lebeh-kurang 500,000 batu pergi-balek itu di-mahkotai dengan mendarat - nya menjejakan kaki-nya manusia pertama dan kedua, Armstrong dan Aldrin di-atas permukaan bulan, di-kawasan "The Sea of Tranquility" dan pada 25hb. Julai, 1969 pahlawan2 luar angkasa atau hero2 angkasa lepas telah pun selamat kembali ka-pangkuan ibu-pertiwi mereka, ka-dunia.

Sa-memang-nya-lah bahawa kejayaan Apollo 11 ajaib tersebut tidak dapat terchapai tanpa kerjasama di-antara lebeh - kurang 300,000 jurutera2, juruteknik2 kaum buroh, dan lebeh - kurang 20,000 pemborong2, dengan biaya yang sangat mendashatkan lebeh-kurang 33 billion ringgit Amerika. Manusia telah berjaya menchapai bulan; dua orang mahlok manusia mewakili ka-dua jenis kelamin (walaupun mereka itu laki2), mewakili semua bangsa2 (walaupun mereka itu kulit-putih) dan mewakili semua negara2 (walaupun mereka dari Amerika Sharikat) telah pun bukan sahaja menjelajahi angkasa lepas tetapi juga menjejakan kaki mereka di-atas permukaan bulan. Pokok persoalan bagi kita para pelajar ia-lah "Apa makna kejayaan tersebut bagi kita?"

Terlebeh dahulu baik-lah kita katakan bahawa dengan

kejayaan itu, maka dalam arti yang sa-dalam2-nya kalau pun di-tinjau dari aspek sastera mau pun sifat romantik dari bulan sa-bagaimana di-sanjung2 oleh para penyaer2 bulan yang di-gelar puteri langit. "Rupa-nya terlalu amat elok saperti bulan pernama empat-belas hari bulan — demikian-lah kiasan klise, kiasan pengindah melukiskan betapa jelita-nya Tun Teja dalam nobel kelasik Hang Tuah. Bagi para sasterawan-sasterawani sang - rembulan ada-lah lambang kejelitaan; sa-kurang2-nya bagi mereka yang menyanjung tinggi chogan-kata, seni untok seni" dari sudut keindahan bentuk sa-mata2. Bahkan bulan juga di-anggap sa-bagai benda pujaan, lambang kesucian oleh bangsa Yunani, Rum, zaman bahari, yang di-sebut mereka dengan nama Dian, Dewi Kesuchian. Ya, Maharani Malam telah pun sa-bagaimana kata sasterawan asing di-telanjangi oleh astronot2 yang mendapati bahawa bulan itu pada zahir-nya hanya-lah sa-buah planet tandus, tandus bagaikan Padang Pasir Sahara.

Bagi penduduk Amerika Sharikat, atau pun bangsa Amerika, kejayaan angkasawan2 itu sangat besar artinya, kejayaan tersebut sangat besar arti-nya bagi mereka yang baharu sahaja tidak berapa lama dulu mengalami terajidi nasional dengan terbunuh-nya Martin Luther King dan Robert Kennedy berturut2 di - Memphis dan di - Los Angeles, dan juga prestasi (nama baik) mereka di-luar negeri yang nampak-nya merosot di-sebabkan terlibat - nya askar2 Amerika Sharikat di-medan perang Vietnam. Kejayaan Apollo 11 sudah barang tentu meninggikan taraf-darjat-kewibawaan bangsa dan negara Amerika Sharikat dalam dunia angkasa lepas, sa-kurang2-nya sa-langkah tinggi daripada bangsa dan negara saingan-nya.

Ada orang berkata, alangkah baik-nya kalau wang yang jumlah-nya berbilian2 itu digunakan bagi memberantas malapetaka - benchana hidup manusia di-semerata dunia, umat manusia yang di-ancham sifat perkauman dan peperangan, kelaparan dan sa-bagai-nya. Tetapi dapatkah

kita pastikan bahawa lawatan sukses (jaya) ka-bulan itu tidak akan membawa sa-barang apa faedah kapada saluroh umat manusia, sa-lain daripada prestasi (nama - baik) yang di-chapai oleh bangsa Amerika Sharikat yang telah pun memanchangkan bendera kebangsaan mereka di-atas permukaan bulan? Mungkin bulan akan menyumbangkan benda2 yang harga-nya tidak ternilai, atau ia-nya dapat kelak menjadi dunia yang ka-2 bagi kita yang makin lama makin sesak, dengan manusia, di-sebabkan apa kata orang asing "population explosion" ia - itu pembiakan manusia yang berlebeh-lebehan.

Apollo 11 telah lebeh daripada mendekatkan kita dengan Permaisuri 'Alam Raya'; ada-kah si - burong punggok akan terus merindukan sang-putri rembulan di-belakang hari apabila tiba masa-nya ia dapat melawat-mengembara ka-sana dengan Apollo2 lain-nya, sama2-lah kita saksikan nanti. Dan ada-kah akhir-nya kemushkilan buana dengan sa-penoh2-nya juga akan tinggal jadi satu masaalah yang akan kita nantikan dan saksikan; yang akan chuchu kita, chichit kita, piut kita, antah2 kita, oneng2 kita nantikan dan saksikan dalam jenerasi (abad2) akan datang. Sa-takat ini, memang nampak - nya, MANUSIA DAN ANGKASA LEPAS telah mulai bersilatullah!

Bagi renongan kita bersama,

barangkali ada baik-nya kita ulangi kata2 Napoleon Bonaparte yang berkata, "The word 'impossible' is not found in my dictionary" perkataan 'mustahil' tidak terdapat dalam kamus perbendaharaan kata2 saya. Dalam kata lain, dalam apa2 kerja sa-kali pun biar-lah chogan ini kita ingat, "Nil desperandum" — jangan sa-kali2 berputus asa; sa-bagaimana kata2 orang-tua dahulu sa-telah hujan berhenti sudah tentu akan timbul pelangi, dan mata - hari pun akan dengan sendiri - nya memancharkan chahaya - nya sa-mula.

Minggu depan akan di-teruskan tajok perbincangan "Manusia dan Angkasa Lepas" ini dari sudut makna dan faedah serta pedoman yang dapat kita ambil dari kejayaan angkasawan2 itu bagi kita para pelajar dan pendengar ruangan pelajar Radio Brunei dan yang berkisar pada kata2 orang dulu yang sa-benar-nya tidak berlaku lagi, tetapi ada baik-nya kita ambil sa-bagai, ya, katakan - lah pembuka fikiran, ia-itu:

Kalau orang China mati oleh makan,

Orang India mati oleh kerana perbualan,

Orang Melayu mati oleh kerana angan2,

Maka, orang Barat mati oleh kerana nama!

Sekian-lah dan terima kaseh.

Pepereksaan Bahasa Melayu bagi Orang2 bukan Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu yang belajar di-kelas dewasa perengkat permulaan, satu, dua dan tiga akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Brunei, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Pepereksaan tersebut akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai 27 November, 1969.

Chalun2 dalam perengkat permulaan dan satu akan menjalani pepereksaan bacaan, renchana, karangan, menu-lis surat dan lisan.

Perengkat dua dan tiga,

chalun2 akan di-pereksa dalam bacaan dan renchana dalam ejaan rumi dan jawi. Chalun2 itu juga akan di-kehendaki menjawab kertas2 soalan mengenai karangan dan surat menyurat sa-bagai tambahan kapada pepereksaan lisan.

Sa-buah surat keliling yang di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran menyatakan semua penuntut2 kelas dewasa bukan Melayu boleh mendaftarkan nama untuk memasoki pepereksaan itu.

Permohonan2 hendak-lah dibuat dengan menggunakan borang2 yang tertentu dan hendak-lah di-hantar melalui guru2 mereka tidak lewat dari 1 September hadapan.

Pasokan Brunei memperoleh kejayaan dalam sokan kejohanan M'ysia dan S'pura

BANDAR BRUNEI. — Tujuh orang ahli2 sokan Brunei telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu sa-telah mengambil bahagian dalam sokan kejohanan Malaysia dan Singapura.

Mereka ia-lah Awang Zainal Sanip, Rani Metasan, Abdullah Mustapha, Rahim, Yusof, Lim Soon Hock, Chang Siew Khyun dan Sanah Tamit.

Rombongan ahli2 sokan itu iringi oleh Awang Abdi Manaf bin P. H. A. Bakar, sa-bagai pengurus pasokan dan Awangku Ibrahim bin Pengiran Damit, sa-bagai Setia Usaha rombongan.

Ahli2 sokan Brunei yang bertanding dengan para peserta yang akan mewakili negeri mereka ka-sokan SEAP di-Rangoon dalam bulan Disembar ini telah menunjukkan kebolehan mereka dengan memenangi satu pingat perak dalam sokan kejohanan Malaysia di-Pulau Pinang dan tiga pingat perak dan dua gangsa dalam pertandingan sokan di-Singapura.

Chang Siew Khyun ahli lompat kijang Brunei telah memenangi pingat perak dalam pertandingan di-Pulau Pinang dan memperoleh pingat gangsa di-Singapura.

EMPAT GURU BERKURSUS DI-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Empat orang guru telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Isnin lepas untuk menjalani kursus sa-lama sa-tahun.

Mereka ia-lah Awang Johari bin Mokhtal, Awangku Duraman bin Pengiran Baha, Awang Abd. Latif bin Burut dan Awang Abdullah bin Othman.

Awang Johari akan menjalani kursus bagi pelajaran rendah di-Maktab Pelajaran Dundee semantara Ak. Duraman, Awang Abd. Latif dan Awang Abdullah akan menjalani kursus pengajian Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua di-Leicester University.

Ke-empat2 orang guru itu telah di-hadiahkan dermasiswa Rancangan Latihan Perguruan Commonwealth.

Rani Metasan telah memenangi pingat perak dalam pertandingan Lompat Jauh.

Dalam lumba berganti2 4 x 100 meter pasokan Brunei telah mendapat pingat perak.

Sanah Tamit, peserta wanita yang tunggal dari Brunei telah memenangi pingat perak dalam pertandingan melontar lembing dan memenangi pingat gangsa dalam pertandingan membuang peluru.



Gambar atas menunjukkan rombongan ahli2 persatuan peladang dari Kampong Kulapis itu ketika berada di-pusat pertanian Kilanas.

Perlumbaan jalan kaki anjoran PESAKA

KERIAM. — Perlumbaan berjalan kaki anjoran Persatuan Melayu Keriam kali yang ke-enam akan di-adakan pada 9 Oktober, 1969.

Perlumbaan tersebut terbahagi kepada dua bahagian ia-itu perseorangan dan berpasokan.

Bahagian perseorangan terbuka kepada orang2 dewasa yang berumur 15 tahun ka-tas dan belia2 yang berumur 15 tahun ka-bawah di-seluruh negeri.

Tiap2 satu pasokan hendaklah mengandungi enam orang peserta dan ia-nya hanya terbuka kepada sekolah2, persatuan2 belia dan kebajikan di-Daerah Tutong sahaja.

Jarak perlumbaan bagi orang2 dewasa dan berpasokan

ia-lah 10 batu, bagi kanak2 sa-jauh tujuh batu dan peserta2 wanita ia-lah enam batu.

Bayaran untuk menyertai perlumbaan ia-lah sa-ringgit bagi perseorangan dan \$6.00 bagi satu pasokan.

Borang2 memasoki perlumbaan boleh di-dapati dari Awang Aliddin bin Kura, Radio Brunei, Awang Musa Libut, di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Awang Jait Hitam di-Pejabat Bandaran, Tutong, Awang Mohammad Shah bin Abd. Rahman di-Maktab Anthony Abell, Seria dan dari Awang Ahmad Hitam di-Pejabat Bandaran Kuala Belait.

Borang2 yang telah di-isikan bersama2 dengan bayaran hendaklah di - kembalikan tidak lewat dari 31 Ogos ini.

Lawatan peladang Kampong Kulapis ka-pusat pertanian

KILANAS. — Satu rombongan dari ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kulapis telah mengadakan lawatan ka-pusat pertanian Kilanas pada minggu lepas.

Lawatan tersebut ada-lah bagi menamatkan kursus pertanian yang di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian sa-lama sa-minggu di-kampong mereka.

Tujuan lawatan itu ia-lah untuk memberikan peluang kepada peladang2 itu untuk memerhatikan pelaksanaan sa-chara praktik pertanian moden.

Di-pusat itu mereka juga berpeluang memerhatikan chara2 menggunakan baja, ternakan ayam, chara menyuburkan dan mencheegah penyakit tanam2an.

Peladang2 itu juga di-bawa melawat ka-pusat pertanian Jerudong dan pusat pertanian Sharikat Minyak Shell, Sinaut.

SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim



DOKTOR KETIGA BAGI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Brunei telah mempunyai doktor-nya ketiga dengan kembali-nya Dr. Johar bin Haji Nordin dari Britain dengan kelulusan ijazah MB-CHB dari Universiti Glasgow, Scotland.

Dua orang lain-nya ia-lah Dr. Sherlock Chin dan Dr. Joseph Lim yang sekarang ini bertugas di-rumah sakit besar, Bandar Brunei.

Dr. Johar, anak Melayu Brunei yang pertama menjadi doktor mula menuntut di-Universiti Glasgow dalam tahun 1962 dan lulus dalam bulan Ogos tahun lepas.

Sa-telah itu, Dr. Johar telah menjalani kursus pembedahan sa-lama sa-tahun di-Sterling, Scotland.

Dr. Johar akan bertugas di-rumah sakit besar Bandar Brunei.

Sementara itu, adek beliau, Awang Zakaria bin Haji Nordin telah juga kembali dari United Kingdom sa-telah lulus dalam kejuruteraan awam di-Universiti of Leeds, England dengan mendapat ijazah Sarjana Muda Sains Kehormat.

Dr. Johar dan Awang Zakaria ia-lah bekas penuntut Maktab SOAS, Bandar Brunei.

Mereka telah menuntut atas biasiswa kerajaan.

Tiga anggota AMDB hadhiri kursus asas radio teknisen

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Sergeant dan dua orang private dari Askar Melayu Di-Raja Brunei di-jadualkan bertolak ka-United Kingdom pada hari Ahad depan untuk menghadiri kursus asas radio teknisen di-8 Signal Regiment Catterick Camp, Yorkshire sa-lama sa-tahun.

Mereka ia-lah Sgt. Jamaludin bin Abdullah, Pte Yunus bin Hj. Mohd. Hussin dan Pte Bujang bin Abdul Hamid.

Kursus tersebut di-kekelolakan oleh British Army Royal Corp of Signal untuk ahli2 teknisen-nya dan peserta2 sebegini-lah yang di-pilih dan ia-nya bertujuan bagi memberikan kepada sa-orang teknisen muda satu pengetahuan yang baik mengenai theory dan praktik sistem perhubungan talikom dan memperbaiki-nya.

Ketiga2 orang itu akan berlepas dengan kapal terbang pada 31 Ogos dan kursus tersebut akan bermula pada 3 September. Mereka di-jadualkan pulang ka-tanah ayer pada 4 September 1970.



Tayangan filem "Demarcation Line" untuk Tabong Kebajikan Gurkha

BANDAR BRUNEI. — Panggong wayang Hassanul Bolkiah di-Bandar Brunei akan mendermakan kutipan tiga pertunjukan filem 'Demarcation Line' kepada tabong Kebajikan Gurkha.

Filem tersebut akan ditayangkan pada 1 September pada jam 2.30 petang 7.00 malam dan 9.00 malam dengan bayaran tiket biasa berharga \$1.50, \$1.00 dan 50 sen.

Sumbangan tersebut di-buat sa-bagai menyahut satu permintaan dari Jawatankuasa

Empat orang

penuntut

lanjutan pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Empat orang penuntut Maktab SOAS telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lepas untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana.

Mereka ia-lah Awang Julaihi bin Abdullah, Ak. Mustapha bin Pg. Jaluddin, Dayang Siti Hawa bte Ahmad dan Dayang Thaibah bte Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim.

Awang Julaihi dan Ak. Mustapha akan menuntut di-Modern Tutorial College, London untuk mengambil peperiksaan peringkat 'A' pra-universiti.

Mereka akan mengambil ijazah dalam bahagian ekonomi.

Dayang Siti Hawa dan Dayang Thaibah masing2 akan menuntut ilmu jururawat sa-lama lima atau enam tahun di-Royal United Hospital, Somerset dan Houndslow Hospital London.

Penuntut2 itu melanjutkan pelajaran mereka atas biasiswa kerajaan.

Kechil bagi Tabong Kebajikan Gurkha di-Bandar Brunei.

Sementara itu satu temasha tari menari untuk mengutip derma bagi tabong tersebut juga akan di-adakan di-Kelab Shell, Seria pada hari Sabtu 6 September.

Masok akan di-kenakan tiket berharga \$5.00 bagi satu pasangan dan \$3.00 bagi perseorangan. Tiket2 itu boleh di-beli dari kelab tersebut mulai sekarang.

Dalam majlis itu, kanak2 Gurkha akan mempersembahkan tarian budaya.

Beberapa hadiah akan di-adakan bagi tiket2 yang bernasib baik dan pemenang 'spot dance'.

Pancharagam 'The Hunters' dari Askar Melayu di-Raja Brunei akan bermain dalam majlis itu.

PEKAN BANGAR. — Empat orang penyanyi — dua lelaki dan dua wanita akan mewakili Daerah Temburong dalam Pertandingan Bintang Radio Peringkat Seluruh Negeri yang akan berlangsung di-Bandar Brunei dalam bulan September hadapan.

Mereka ia-lah Awangku Metussin bin Pg. Tuah, Dayangku Piut bte Pg. Tuah, Armah bte Kamaruddin dan Awang Suhaili Ibrahim (Gambar atas).

Penyanyi2 itu telah di-pilih dalam pertandingan Bintang Radio Peringkat Daerah Temburong yang telah di-adakan di-Pekan Bangar pada hari Jumaat lepas.

Sa-ramai 12 orang peserta lelaki dan wanita telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Peraduan itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak yang juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2.

Perubahan bagi bayaran bekalan letrik

(DARI MUKA 1)

asingan bagi api dan power ada-lah seperti berikut:

Penggunaan 10 unit yang pertama di-kenakan bayaran 25 sen bagi satu unit.

Penggunaan 60 unit di-kenakan bayaran 15 sen tiap2 satu unit.

Penggunaan 100 unit di-kenakan bayaran 10 sen bagi tiap2 satu unit dan lebih dari itu di-kenakan bayaran 5 sen bagi tiap2 satu unit.

Tariff untuk perdagangan dan perusahaan — bagi bangunan yang tidak di-gunakan sa-bagai penggunaan tersendiri. Bayaran lama api ia-lah 25 sen tiap2 satu unit dan power 8 sen tiap2 satu unit.

Bayaran baru juga tidak di-kenakan — bayaran yang berasingan bagi api dan power ada-lah seperti berikut:

Bayaran bagi 10 unit yang pertama di-kenakan 20 sen bagi tiap2 satu unit.

100 unit yang selanjutnya di-kenakan bayaran 6 sen bagi satu unit dan lebih dari itu di-kenakan 5 sen bagi tiap2 satu unit.

Pengguna2 kuasa letrik yang ingin merubah-nya kepada tariff baru itu hendak-lah mengisikan borang2 yang di-bahagi2kan oleh pemeriksa meter. Ia-nya juga boleh di-dapati dari pejabat2 letrik di-Bandar Brunei, Tutong, Kuala Belait dan Seria.

Sebarang perubahan bayaran tariff bekalan letrik itu akan di-jalankan dahulu sa-lama 12 bulan. Jika tiada permohonan perubahan pembayaran baru itu di-terima, pengguna2 bekalan letrik akan terus di-kenakan bayaran menurut bayaran lama.